

Tiada rombakan Kabinet: PM

BH 05 OCT 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak kemungkinan Kabinet dirombak, sekali gus mematikan khabar angin kononnya beberapa menteri terutama daripada MCA termasuk Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, akan digugurkan.

“Anda tahu, saya jarang merombak Kabinet,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tindakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri Pengetahuan dan Mapan 2001 di sini.

Perdana Menteri ditanya mengenai perkara itu terutama membabitkan Menteri MCA berikutan pengguguran Chua yang juga Naib Presiden MCA, sebagai Pengerusi MCA Kedah, kelmarin.

Dr Mahathir menjelaskan, pengguguran Chua daripada jawatan Pengerusi MCA Kedah tidak ada kena mengena dengan jawatannya dalam Kabinet.

“Saya nak terangkan di sini, setakat yang saya faham, dia (Chua) dijadikan Ketua MCA Kedah kerana ketika itu MCA Kedah bergolak, ada per selisihan faham. Sekarang ini sudah tidak ada lagi.

“Jadi sama juga dengan Umno... saya telah “disingkirkan” daripada ketua perhubungan (Umno) negeri Kelantan, dan sekarang ini

orang lain jadi ketua perhubungan, takkan ini makna saya kena letak jawatan Perdana Menteri,” katanya.

Beliau berkata, pelucutan jawatan Chua selaku Pengerusi MCA Kedah tiada kaitan dengan jawatannya dalam Kabinet.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kelmarin mengumumkan Timbalan Pengerusi MCA Kedah, Datuk Beh Heng Seong dilantik menjadi Pengerusi MCA negeri yang baru, menggantikan Chua.

Bagaimanapun, Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek mendakwa keputusan Ling itu sebagai tindakan membalas dendam selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Jun lalu, dengan mengaitkannya kepada isu pengambilalihan Nanyang Press.

Dr Ling semalam menafikan dakwaan kononnya tindakan itu untuk membunuh kerjaya politik Chua, sebaliknya berkata keputusan itu diambil sebagai memenuhi permintaan MCA Kedah yang inginkan pemimpin tempatan.

Berikutan itu, timbul desas-desus bahawa kedudukan Chua dalam Kabinet juga akan turut terjejas, sekali gus menyebabkan Dr Mahathir dikatakan akan merombak Kabinet yang turut membabitkan Umno.